



05 AUG, 2025

Bomba sedia tingkat keupayaan

Berita Harian, Malaysia



Cadangan bina loji nuklear

Bomba sedia tingkat keupayaan

Latihan asas pendedahan radioaktif 17 pasukan HAZMAT babit 429 anggota

Kuching: Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) bersedia mempertingkatkan keupayaan anggota dan kelengkapan bagi menghadapi sebarang kemungkinan berikutan cadangan pembinaan loji nuklear di negara ini.

Ketua Pengarahnya, Datuk Seri Nor Hisham Mohammad,

berkata bomba bersiap siaga dari segi latihan asas pendedahan radioaktif menerusi 17 Pasukan Khas Bahan Kimia Berbahaya (HAZMAT) membabitkan 429 anggota di seluruh negara.

"Teknologi pembinaan loji nuklear dan sistem pencegahan kebakarannya kini sudah ma-

tang dan tertakluk kepada piawaian antarabangsa serta amalan terbaik sedia ada.

"Apa yang penting ialah pihak industri perlu menyediakan kelengkapan pemantauan seperti dosimeter dan alat pengesanan kepada pasukan bomba di kawasan sekitar loji," katanya kepada pemberita selepas menyempurnakan Majlis Penganugerahan Pingat Perkhidmatan Bomba 2024, di sini semalam.

Susun pelan kontingensi

Nor Hisham berkata, tahap keselamatan dalaman reaktor akan bergantung kepada pelan lokasi serta reka bentuk akhir loji dan JBPM akan bekerjasama rapat dengan agensi berkaitan untuk menyusun pe-

lan kontingensi yang komprehensif.

Sebelum ini, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Fadillah Yusof, dilaporkan berkata kerajaan sedang meneliti kemungkinan melaksanakan projek tenaga nuklear di Semenanjung Malaysia dan Sabah berikutan keperluan tenaga tetap yang tinggi di kedua-dua wilayah itu.

Beliau yang juga Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air berkata faktor kesesuaian lokasi berhampiran sumber air seperti sungai, laut atau tasik besar menjadi antara pertimbangan utama dalam kajian kebolehlaksanaan yang sedang dijalankan bagi sistem penyediaan loji nuklear.

BERNAMA



Nor Hisham (dua dari kanan) selepas Majlis Penganugerahan Pingat Perkhidmatan Bomba 2024 di Kuching, semalam.

(Foto Mohd Roji Kawi/BH)